

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH  
(SABAK BERNAM)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor kenaikan dan penurunan harga petrol dan diesel di pasaran serta nyatakan kaedah penentuan harga petrol dan diesel di negara ini.

**JAWAPAN**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- 1) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit petrol RON95 dan diesel berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah

ini, perubahan harga runcit petrol RON95 dan diesel di negara ini dibuat setiap bulan untuk dilaksanakan mulai setiap 1 haribulan.

2) Kos utama yang menjadi komponen dalam formula APM tersebut dan faktor penyebab turun naik harga runcit ialah kos sebenar produk petrol RON95 dan diesel yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Ini memandangkan urusan dagangan minyak di pasaran dunia adalah dilakukan dalam nilai mata wang US dolar, maka penyusutan nilai tukaran mata wang ringgit berbanding US dolar pada kedudukan masa kini turut mempengaruhi harga runcit semasa berdasarkan formula APM. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.